



PERTANDINGAN MEREKA CIPTA KEMEJA-T SUHAKAM BERTEMAKAN
"HAK KEPADA ALAM SEKITAR YANG BERSIH, SIHAT DAN MAMPAN"
ANJURAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

SYARAT-SYARAT AM PERTANDINGAN

1. Hasil rekaan kemeja-T SUHAKAM mestilah bertemakan "**Hak kepada Alam Sekitar yang Bersih, Sihat dan Mampan**".
2. Penyertaan adalah percuma, terbuka kepada warganegara Malaysia dan semua peringkat umur.
3. Peraduan ini berlangsung selama tiga (3) bulan bermula pada **15 FEBRUARI 2023** sehingga **15 MEI 2023**. Pihak penganjur berhak melanjutkan tarikh tutup peraduan pada bila-bila masa sekiranya perlu.
4. Peserta boleh menghantar penyertaan sebanyak maksimum dua (2) rekaan kemeja-T SUHAKAM dan hanya satu penyertaan yang terbaik akan dipilih.

SPESIFIKASI REKAAN KEMEJA-T SUHAKAM

5. Rekaan yang dihasilkan mestilah jelas, menarik, kemas, serta menepati tema yang ditetapkan iaitu "**Hak kepada Alam Sekitar yang Bersih, Sihat dan Mampan**".
6. Rekaan mestilah dihasilkan dalam bentuk *softcopy* menggunakan format JPEG, PNG atau AI (*Adobe Illustrator*) dengan minimum resolusi 1280 x 960. Saiz ukuran adalah bebas dan bersesuaian dengan pemakaian kemeja-T SUHAKAM untuk kegunaan awam.
7. Rekaan yang dihasilkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) warna dan ke atas.
8. Rekaan mestilah asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap menyentuh sensitiviti dan boleh menyinggung mana-mana pihak.
9. Pereka boleh menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris bagi tujuan kandungan rekaan kemeja-T SUHAKAM.

10. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan ringkas ke atas rekaan yang dihasilkan dengan mengambil kira aspek hak asasi manusia atau hak kepada alam sekitar yang bersih, sihat dan mampan.

KRITERIA PENILAIAN

11. Pemilihan pemenang akan dilaksanakan oleh satu jawatankuasa penilaian SUHAKAM dan seorang juri profesional awam melalui penelitian terhadap beberapa kriteria dalam penghasilan rekaan seperti berikut:

Bil.	Kriteria	Keterangan	Markah
1.	Ketepatan tema	Menepati tema pertandingan yang melambangkan alam sekitar dengan elemen hak asasi manusia atau hak kepada alam sekitar yang bersih, sihat dan mampan.	30
2.	Keaslian	Idea dan konsep reka cipta mestilah asli, tidak ditiru, dan melanggar hak cipta mana-mana pihak.	30
3.	Kreativiti	Kreativiti dari aspek persembahan, interpretasi yang mudah difahami, jelas serta kekemasan yang baik.	30
4.	Keterangan	Keterangan ringkas hasil reka cipta dengan mengambil kira aspek hak asasi manusia atau hak kepada alam sekitar.	10

12. Keputusan yang dibuat oleh panel penilaian SUHAKAM selepas pada tarikh tutup pertandingan adalah **MUKTAMAD** dan sebarang bentuk rayuan tidak akan dilayan.
13. Panel penilaian SUHAKAM berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya peserta didapati tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.

CARA-CARA PENYERTAAN

14. Tarikh untuk menghantar penyertaan adalah seperti berikut:

- I. Tarikh Buka : 15 Februari 2023 (Rabu)
- II. Tarikh Tutup : 15 Mei 2023 (Isnin) sebelum jam 6.00 petang

15. Peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki mengisi maklumat peserta pada borang penyertaan pertandingan dan memuat naik penyertaan reka cipta kemeja-T SUHAKAM di *Google Form* menerusi imbasan Kod QR atau pautan di bawah:



Pautan: <https://forms.gle/kGhUzT6np1PcnFA77> atau;

16. Muat turun borang dan syarat penyertaan pertandingan di portal rasmi di www.suhakam.org.my dan emelkan penyertaan anda sekretariat@suhakam.org.my.
17. Sekiranya terdapat sebarang masalah teknikal untuk menghantar penyertaan, peserta boleh menghubungi Sekretariat SUHAKAM di talian **03 – 2612 5654 / 011 – 2693 3660 (Encik Baqi)** untuk mendapatkan bantuan lanjut.
18. Sebarang penyertaan yang diterima selepas pada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima oleh pihak Sekretariat.

HADIAH PERTANDINGAN

19. Tiga (3) pemenang hadiah utama akan menerima wang tunai berjumlah RM1,500.00 setiap seorang berserta sijil penyertaan manakala tujuh (7) pemenang hadiah saguhati akan menerima wang tunai berjumlah RM300.00 setiap seorang berserta sijil penyertaan.
20. Semua peserta yang menyertai pertandingan ini termasuk penyertaan yang tidak terpilih juga akan menerima sijil penghargaan.

TANGGUNGJAWAB PESERTA

21. Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sama ada sebelum, semasa atau selepas rekaan kemeja-T SUHAKAM dihasilkan. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang liabiliti atau tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta daripada pihak lain.
22. Hasil rekaan kemeja-T SUHAKAM hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur sentimen yang bersifat perkauman, politik serta isu-isu yang menyentuh sensitiviti masyarakat.

23. Berikutan pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, peserta dengan ini memberikan kebenaran kepada pihak SUHAKAM untuk menggunakan semua maklumat penyertaan untuk kegunaan pihak penganjur.

HAK CIPTA PENYERTAAN PERTANDINGAN

24. Setiap penyertaan Pertandingan Mereka Cipta Kemeja-T SUHAKAM bertemakan "Hak kepada Alam Sekitar yang Bersih, Sihat dan Mampan" anjuran SUHAKAM akan menjadi hak milik penganjur sepenuhnya dan tidak akan dikembalikan.
25. Penganjur berhak sepenuhnya untuk menerbit, mencetak, memapar, mengedar, menyunting dan menayang mana-mana rekaan yang dihantar oleh peserta pada laman sesawang rasmi SUHAKAM, pameran, media sosial rasmi SUHAKAM serta cetakan fizikal yang lain atas tujuan promosi oleh pihak penganjur sama ada di dalam atau luar negara; nama pengkarya akan dipaparkan sebagai penghargaan.
26. Peserta berhak menggunakan rekaan berkenaan dalam mana-mana penerbitan dan penganjur menganggap tiada tanggungjawab tersurat atau tersirat dengan penerbitan karya berkenaan.
27. Rekaan kemeja-T SUHAKAM yang terpilih sebagai pemenang akan disertakan logo rasmi SUHAKAM termasuk pada mana-mana cetakan dan penerbitan seperti yang dinyatakan dalam syarat pertandingan, klausa No.25 "Hak Cipta Penyertaan Pertandingan".

HAK PENGANJUR

28. Selaku penganjur pertandingan ini, SUHAKAM berhak secara mutlak untuk mengkaji dan mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa dan peserta pertandingan tidak boleh menggunakan proses mahkamah untuk mengkaji keputusan SUHAKAM.
29. Pihak penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

Sekretariat Pertandingan SUHAKAM

Alamat: Tingkat 11, Menara TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03 – 2612 5600 | Emel: sekretariat@suhakam.org.my

- TAMAT -